

Kemeriahan

B. Harian (M)

setanding



30 NOV 1990

Oleh
RAHIME YUSOFF

WALAUPUN disertai oleh sebelas negara, Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara bermula Ahad ini tetap setanding dengan kemeriahan Kejuaraan Dunia '87 lalu.

Penyertaan lima negara Eropah iaitu Austria, Jerman, Belgium, Belanda, Perancis dan Australia turut memberi peluang kepada peminat silat tempatan menyaksikan kehebatan jaguh-jaguh silat berkulit putih.

Turut serta ialah Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Malaysia selaku tuan rumah menurunkan dua pasukan.

Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Abdul Rahman Hassan, berkata kejuaraan kali ini tetap unggul walaupun tidak banyak penyertaan negara dari Eropah.

Katanya, beberapa ne-



■ **RUZAIDI RAHMAN**

gara Eropah seperti England, Sepanyol, Turki, Itali, Surinam dan Amerika Syarikat menarik diri kerana beberapa masalah.

"Sebagai persatuan baru berkembang di Eropah, kami tidak nafikan masalah kewangan menghantui mereka, walaupun niat menyertai kejuaraan kali ini cukup besar," kata Rahman.

Bagaimanapun katanya, cabaran dari negara Eropah yang bertanding tetap unggul berdasarkan pencapaian pada Kejuaraan Sedunia di Belanda, Oktober lalu.

"Kali ini, kami berusaha menyaingi penguasaan Indonesia dan

menghalang kebangkitan Thailand yang sejak kebelakangan begitu menyengat," jelasnya.

Tiga puluh pesilat kebangsaan giat menjalani latihan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) bawah bimbingan empat jurulatih — Mohd Noor Mahmud, Fadzil Ibrahim, Tumadi Yahya dan Osman Jeffery.

Skuad Malaysia A akan diperkuatkan oleh dua pemenang pingat emas Kejuaraan Dunia, Khusairi Abdul Rahman dan Ruzaidi Abdul Rahman.

Sementara itu jurulatih kebangsaan, Mohd Noor Mahmud, berkata pesilat negara menamatkan latihan, semalam bagi memberi peluang kepada mereka berehat.

"Kami masih memastikan pesilat terbaik untuk diserap ke skuad utama, di samping mengurangkan berat badan ke atas beberapa pesilat yang mengatasi kategori ditetapkan," kata Mohd Noor.